

Headline	Penerbit filem Iran harap kisah Rasulullah dapat sambutan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	02 Oct 2013	Color	Black/white
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	351 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 798
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,394



Penerbit filem Iran harap kisah Rasulullah dapat sambutan

PENERBIT filem adik-beradik dari Iran Daryoush dan Kiaoush Dalvand berharap siri animasi 3D terbitan mereka, "Muhammad, The Last Messenger of God", mendapat sambutan baik di seluruh dunia.

Memandangkan terdapat begitu banyak salah faham dan gambaran silap tentang Islam serta Nabi Muhammad SAW maka adalah diharapkan filem ini, yang memaparkan perjuangan dan kisah Rasulullah, akan membantu meningkatkan kefahaman orang ramai tentang Islam, di samping menangkis salah faham terhadap agama itu, kata Daryoush dalam temu bual dengan Bernama.

"Rasulullah seorang insan baik, penyayang serta adil dan memberi layanan sama rata kepada semua orang semasa hayat Baginda, tanpa mengira warna kulit, bangsa, keturunan dan agama.

Islam adalah agama yang berpaksikan kemanusiaan dan keamanan, tetapi malangnya, aspek ini sering dipandang remeh atau tidak diketahui ramai," katanya.

"Siri itu, yang juga dihasilkan dalam bentuk filem, mengisahkan perjuangan dan kejayaan Rasulullah sejak Baginda berusia 40 tahun hingga wafat.

Siri ini merupakan karya animasi 3D kedua arahan Kiaoush, juga pengarah filem animasi 3D 'Battle of the Kings: Rostam and Sohrab', yang diperkenalkan di luar Festival Filem Cannes di Perancis tahun lepas oleh Fantas-

tic Films International dan Aria Industry of Imagination.

Dua bersaudara itu, yang kini berada di Malaysia untuk mempromosi karya terbaharu mereka, turut memperkatakan tentang perkembangan industri animasi di Iran pada sesi previu siri 26 episod itu di Fakulti Perfileman Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) di Kuala Lumpur minggu lepas.

Daryoush berkata jika 10 tahun lepas filem animasi keluaran Iran mendapat sambutan yang amat menyedihkan daripada rakyat Iran sendiri, tetapi kini, sambutan mereka meningkat dengan ketara.

Katanya teknologi sematamata tidak mencukupi dan oleh itu pelbagai perubahan perlu dilakukan untuk membolehkan siri animasi Iran itu mencapai kejayaan seperti sekarang.

"Selama ini, kami hanya memberi tumpuan terhadap pasaran Iran, tapi apabila kami mengambil langkah menjadikan siri yang dihasilkan ini lebih bersifat antarabangsa, termasuk menerbitkan versi bahasa Inggeris, dan setelah membuat lebih banyak penyelidikan tentang penonton dan kaedah penceritaan, respons yang diterima sungguh mengagumkan," katanya.

Siri animasi Rostam and Sohrab, yang dihasilkan melalui teknologi 'motion capture', bukan sahaja mendapat sambutan baik daripada penonton di Iran, tetapi juga memberi kesan besar apabila ditayang di luar Festival Filem Cannes 2012.

Lebih 20 pengedar di Los Angeles menunjukkan minat untuk mengedar filem itu, yang dihasilkan dengan kos US\$4.1 juta (RM13.37 juta).

Daryoush berkata muzik juga merupakan faktor yang mempunyai daya tarikan antarabangsa, tetapi sayangnya walaupun terdapat ramai pemuzik hebat Parsi di Iran, tidak banyak usaha dilakukan untuk menonjolkannya kepada masyarakat antarabangsa.

Katanya untuk siri "Muhammad, The Last Messenger of God", muzik daripada pelbagai budaya Islam digunakan sebagai muzik latar.

Daryoush berkata mereka juga mengadakan perbincangan dengan stesen televisyen di negara ini berhubung siri terbitan mereka itu.

Katanya pengedar filem di Iran, Turki, Kurdistan dan Iraq telah membeli siri itu untuk ditayang pada tahun depan.

Siri berkenaan juga akan diterjemah ke pelbagai bahasa termasuk Turki, Albania dan Urdu.

Berdasarkan dua episod yang ditayang di auditorium mini Aswara, tidak dapat dinafikan bahawa penerbit berkenaan berusaha menghasilkan siri animasi yang bukan sahaja hebat dari segi penceritaan tentang riwayat hidup Rasulullah, tetapi juga dari segi penggunaan teknologi, warna dan muzik yang sungguh menarik.

Sementara itu, Shakireen Mohd Yunus, 19, pelajar tahun satu Fakulti Multimedia dan Animasi Aswara, menganggap ceramah dan previu yang di-

adakan itu merupakan pengalaman pembelajaran yang sangat berguna baginya.

Pelajar berasal dari Seremban ini, yang membesar dengan koleksi majalah Marvel dan komik DC bapanya, berkata minatnya terhadap komik dan animasi bemula sejak kecil lagi.

"Saya bermula dengan membaca koleksi komik Hong Kong ayah saya dan kemudian menerokai karya animasi Amerika dan Jepun pula," katanya.

Seramai 30 pelajar sedang mengikuti pengajian Diploma Dalam Multimedia dan Animasi di Aswara, kata Rasfan Abu Bakar, pensyarah fakulti itu.

Beliau berkata kumpulan pertama 11 pelajar akan tamat pengajian pada 2014 dan mereka mempunyai prospek kerjaya yang cerah berikutan permintaan yang semakin meningkat terhadap kemahiran itu di negara ini. — Bernama